



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL 6/2018
27 JUN 2018 (13 SYAWAL 1439H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Selaku Datuk Bandar Petaling Jaya, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti diberikan kepada penduduk Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak warga Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen penting yang perlu dikehadapankan.

2. BENGKEL BAJET MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA 2019

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan mengadakan **Bengkel Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2019 Bersama Ahli Majlis / Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) / NGO** pada 1 Julai 2018 bertempat di Dewan D'Kelana, Kelana Jaya.

Dalam memudahkan kepelbagaian sumber dan medium, Majlis menjemput dan mempelawa Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) / NGO Petaling Jaya untuk memberikan cadangan, idea atau maklum balas berkenaan Bajet MBPJ 2019 secara atas talian dengan melayari laman web rasmi majlis - www.mbpj.gov.my atau laman sosial majlis facebook - **Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Twitter – pjcitycouncil.**

Dalam memastikan Petaling Jaya kekal sebagai bandar raya peneraju, dinamik, dan lestari, fokus utama dalam Bajet MBPJ 2019 adalah seperti berikut:

- 1) Pembangunan Infra - Jalan / Lampu / Lalulintas
- 2) Pembangunan Infra - Saliran Dan Cerun
- 3) Kemudahan Awam
- 4) Perkhidmatan Landskap
- 5) Penyediaan Kawasan Lapang Dan Kemudahan Rekreasi.
- 6) Projek Pengindahan Lokasi Tumpuan
- 7) Penghijauan Bandar Dan Penyelenggaraan Landskap
- 8) Program Bersama Komuniti
- 9) Keselamatan
- 10) Pembangunan Komuniti Dan Kemasyarakatan
- 11) Kesihatan Awam
- 12) Pembersihan Awam Dan Sisa Pepejal

Saya berharap melalui Bengkel Bajet MBPJ 2019 ini, semua Ahli Majlis dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan bersama-sama Majlis dalam memberikan gambaran awal tentang Bajet MBPJ 2019 kepada setiap Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di setiap zon Ahli Majlis agar mereka dapat memberikan pandangan berkenaan Bajet MBPJ 2019. Untuk makluman, segala cadangan telah dibuka kepada umum sejak **12 Jun sehingga 15 Julai 2018.**

3. PETALING JAYA BANDAR RAYA MAMPAN DAN BERDAYA HUNI

Wawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah untuk menjadi sebuah bandar raya mampan dan berdayahuni dengan imej dan urus tadbir baik serta persekitaran yang selamat, harmoni dan sejahtera. Ke arah itu, Majlis telah menyediakan satu rangka kerja pembangunan mampan jangka masa panjang "*Sustainable Petaling Jaya 2030*" dengan menetapkan 5 hala tuju utama iaitu "**alam sekitar**", "**ekonomi berdaya saing**", "**budaya dan komuniti**", "**habitat berdayahuni**" dan "**urus tadbir baik**".

Peranan Majlis sebagai pengurus bandar raya Petaling Jaya yang sedang mengalami proses urbanisasi yang pesat turut berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam aspek pengurusan projek-projek pembangunan dan infrastruktur. Isu keselamatan dalam konteks persekitaran dan infrastruktur juga menjadi semakin mencabar apabila berlakunya kes-kes kemalangan di tapak pembinaan yang berpunca daripada kecuaiannya pihak kontraktor dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan semasa kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan dilaksanakan.

Kesemua isu dan cabaran ini menghendaki Majlis meningkatkan daya tahan dan keupayaan untuk mengurus aspek keselamatan dengan lebih sistematik, holistik, efektif dan kreatif, serta mencari penyelesaian yang lebih erat dengan semua pihak berkepentingan terutamanya masyarakat dan penduduk Petaling Jaya.

Majlis meletakkan isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di aras paling tinggi. Bagi menunjukkan komitmen ini, Majlis telah menubuhkan satu **Unit Audit Keselamatan MBPJ** bagi menjalankan audit dan pemantauan terhadap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan agar selaras dengan peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA 1994) dan Akta Kualiti

Persekitaran (EQA 1974). Majlis mensasarkan mendapat pensijilan secara berperingkat untuk tempoh 5 tahun:

Tahun 1: Pensijilan OHSAS 18001 (Penilaian Keselamatan, Kesihatan & Pekerjaan) bagi projek-projek infrastruktur – **Majlis telah berjaya memperolehi pensijilan ini pada September 2017**

Tahun 2: Pensijilan OHSAS 18001 (Penilaian Keselamatan, Kesihatan & Pekerjaan) bagi keselamatan pejabat dan projek-projek selain infrastruktur.

Tahun 3: Pensijilan ISO 14001 (sistem pengurusan alam sekitar) bagi projek-projek infrastruktur

Tahun 4: Pensijilan ISO 14001 (Sistem pengurusan alam sekitar) bagi keselamatan pejabat dan projek-projek selain infrastruktur

Tahun 5: Berharap agar Majlis dapat menubuhkan satu Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan di MBPJ dan mengekalkan pematuhan & pensijilan ISO 45001 dan ISO 14001.

4. **PELAKSANAAN PENUH SISTEM TEMPAT LETAK KERETA & KOMPAUN BERINTEGRASI DI SELURUH KAWASAN LETAK KERETA 'ON-STREET' DI PETALING JAYA**

Bermula 1 Julai 2018, inisiatif Smart Parking Negeri Selangor melalui Sistem Parkir & Kompaun Berintegrasi 'Smart Selangor Parking' (SSP) akan beroperasi secara rasminya di Negeri Selangor yang melibatkan enam PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, **Majlis Bandaraya Petaling Jaya**, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Kajang.

Pihak Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) menerusi SSDU Innovations Sdn Bhd selaku badan rasmi yang dimandatkan oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor** untuk menerajui dan melaksanakan program Smart Selangor.

Ini adalah berdasarkan cabutan daripada keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-11/2016 yang diadakan pada 23 Mac 2016 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-12/2016 pada 06 April 2016.

SSDU juga telah membangunkan sebuah Sistem (Smart Selangor Parking) (SSP) yang membolehkan orang ramai membuat pembayaran parkir dan kompaun atas talian (*online*) menerusi aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan di mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. SSDU merupakan pemegang hak cipta **Sistem Parkir & Kompaun Berintegrasi Negeri Selangor**.

5. **PENGURUSAN ADUAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Sehingga 31 Mei 2018, jumlah aduan yang diterima melalui pelbagai saluran penerimaan aduan merekodkan prestasi penyelesaian yang memuaskan iaitu sebanyak **80 peratus**. Untuk rekod, sejumlah 6873 aduan telah diterima melibatkan aduan kerosakan jalan, kutipan sampah, cantasan pokok dan sebagainya.

Respons dan maklum balas Jabatan dan Unit turut menunjukkan peningkatan yang baik terutama bagi aduan Kategori 1 dan Kategori 2. Berdasarkan ini, secara keseluruhan hampir 95 peratus aduan menerima maklum balas Jabatan dan Unit dalam tempoh masa yang ditetapkan. Di samping itu setakat Jun 2018, prestasi penyelesaian aduan tertunggak bagi tahun 2017 juga telah menunjukkan peningkatan

yang positif iaitu sebanyak 99 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini menunjukkan komitmen yang tinggi daripada Jabatan dalam menyelesaikan aduan-aduan awam yang diterima oleh Majlis.

Justeru itu, saya berharap agar ketua-ketua jabatan akan terus memberikan perhatian yang serius terhadap aduan-aduan yang diterima demi memastikan kelestarian Petaling Jaya dapat dikekalkan. Ini kerana, penduduk Petaling Jaya meletakkan harapan yang tinggi kepada Majlis dalam menangani masalah-masalah yang diajukan oleh mereka.

Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat, Majlis sentiasa melakukan penambahbaikan terhadap medium penerimaan aduan bagi memudahkan penduduk menyampaikan aduan kepada Majlis. Ketika ini Majlis sedang membangunkan **sistem e-aduan** yang berasaskan pemetaan satelit dan juga aplikasi telefon pintar yang mana ianya memudahkan lagi penduduk untuk menyalurkan aduan dengan pantas. Ini juga selaras dengan matlamat untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya pintar (*Smart City*).

6. KESIHATAN, KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN DI PETALING JAYA

5.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi mingguan yang dilaporkan sehingga 9 Jun 2018 (minggu epid ke 23/2018) adalah sebanyak **79 kes**. Jumlah ini menunjukkan **peningkatan** kes sebanyak **41 peratus** berbanding kes pada minggu epid 21/2018 dengan jumlah **56 kes**. Purata kes mingguan adalah sejumlah 44 kes seminggu.

Keseluruhan kumulatif kes demam denggi bagi tahun 2018 mencatatkan sejumlah 1005 kes. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 42 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017, iaitu sejumlah 1733 kes.

Aliran tahunan kes dilihat meningkat sejak minggu epid 14 hingga minggu epid 23. Purata kes minggu epid 1-23 adalah 34 meningkat kepada 56 kes (purata minggu epid 14-23). Keadaan ini disebabkan **taburan hujan yang meningkat** dalam tempoh tersebut yang **menggalakkan pembiakan jentik-jentik** serta langkah kawalan terganggu.

Manakala jumlah lokaliti wabak sehingga minggu epid 23 berakhir pada 9 Jun 2018 adalah 27 lokaliti wabak seperti berikut:

LOKALITI WABAK	JUMLAH WABAK YANG DILAPORKAN PADA 9 JUN 2018
Wabak Baru (WB)	1
Wabak Terkawal (WT)	20
Wabak Tidak Terkawal (WTK)	4
Hotspot (HS)	2
JUMLAH LOKALITI WABAK	27

Jumlah bilangan kes denggi mengikut zon DUN tahun 2018 sehingga minggu epid 23 adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH PENDUDUK	BIL. KES	KADAR INSIDEN /100000
1.	BUKIT LANJAN	193,454	209	108
2.	KOTA DAMANSARA	140,960	223	158
3.	SERI SETIA	98,594	184	187
4.	TAMAN MEDAN	92,710	123	133
5.	DAMANSARA UTAMA	73,859	104	141
6.	BUKIT GASING	75,109	114	152
7.	KAMPUNG TUNKU	38,314	48	125

Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan (Sehingga 12/6/2018)

Bil	Senarai Nama Lokaliti Wabak	Jumlah Kes Terkini	Wabak Di JangkaTamat
1	SERI SETIA SS7 KELANA PUTERA KONDO	8	20/6/2018
2	SERI SETIA SS7 KELANA PUTERI KONDO	4	20/6/2018
JUMLAH		12	

5.2 Program SEDAR

Sehingga kini, sebanyak **209 pasukan SEDAR** telah ditubuhkan dan di perluaskan kepada lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1) 145 Pasukan SEDAR Komuniti
- 2) 49 Pasukan SEDAR Sekolah
- 3) 5 Pasukan SEDAR Tapak Binaan
- 4) 7 Pasukan SEDAR MBPJ
- 5) 2 Pasukan SEDAR Kilang (Western Digital dan Dutch Lady)
- 6) 1 Pasukan SEDAR Hospital (KPJ Damansara Specialist Hospital)

5.3 PENETAPAN MASA PEMBERSIHAN RESTORAN 24 JAM

Bagi meningkatkan tahap kebersihan premis dan kedai makanan di Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya memutuskan seperti berikut :

- a) Bermula **1 Julai 2018** semua pengusaha restoran 24 jam perlu membuat kerja-kerja pembersihan pada jam **1.00 - 3.00 pagi**.
- b) Pengusaha restoran juga dikehendaki memasang papan tanda / kenyataan pemberitahuan waktu pembersihan kepada orang awam / pengunjung restoran.

Syabas dan tahniah di ucapkan kepada **Tuan Amirudin Bin Shari** diatas pelantikan sebagai **Dato' Menteri Besar Selangor ke-16**. Saya mewakili seluruh pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat yakin dan percaya, YAB Dato' Menteri Besar akan terus memacu dan mengemudi pentadbiran Negeri Selangor demi merealisasikan segala dasar dan inisiatif berpaksikan prinsip peduli rakyat.

Sekian, terima kasih.